1. Parti manakah yang telah membawa masuk fahaman komunis ke negara kita pada awal sekitar tahun 1920-an?

   A Parti Kuomintang

   B Parti Komunis Malaya

   C Parti Komunis Nanyang

   D Parti Komunis Indonesia

2. Jawatankuasa Eksekutif Pusat Parti Komunis Malaya berhasrat menubuhkan Republik di Tanah Melayu.

   Bagaimanakah hasrat tersebut dicapai?

   A Menggunakan teknik perang gerila

   B Melancarkan perjuangan bersenjata

   C Menangkap pemimpin gerakan radikal

   D Memaksa sultan menandatangani dokumen

3. Mengapakah British melonggarkan syarat kewarganegaraan kepada penduduk bukan Melayu melalui program Perang Saraf pada tahun 1952?

   A Mengimbangi kaum yang sedia ada

   B Mempercepat proses berkerajaan sendiri

   C Mengurangkan sokongan kepada komunis

   D Menambah bilangan penduduk Tanah Melayu

4. Dialog berikut mungkin berlaku dalam kalangan pegawai British di Tanah Melayu pada zaman darurat.

Pegawai 1	:	Kita tidak boleh menamatkan darurat melalui strategi ketenteraan semata-mata
Pegawai II	:	Ya, betul. Kita perlu memperkukuh perpaduan dalam kalangan penduduk Tanah Melayu

   Berdasarkan dialog tersebut, apakah kesan zaman darurat kepada negara?

   A. Memperkenal sistem pendaftaran kebangsaan

   B. Memperbesar pasukan keselamatan negara

   C. Mempercepat proses kemerdekaan negara

   D. Memperluas pembukaan Kampung Baru

5. Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) ditubuhkan pada Januari 1949.

   Apakah objektif penubuhan CLC?

   I Membetulkan keadaan politik

   II Menjamin keselesaan penduduk

   III Menggalakkan kemasukan pelabur

   IV Mewujudkan keharmonian masyarakat

   A I dan II

   B I dan IV

   C II dan III

   D III dan IV

6. Sistem Ahli yang telah diperkenalkan pada tahun 1951 merupakan langkah berkerajaan sendiri.

   Apakah kepentingan sistem tersebut?

   I Melicinkan proses pentadbiran

   II Menjimatkan kos pentadbiran

   III Melatih pemimpin tempatan

   IV Memupuk perpaduan kaum

   A I dan II

   B I dan IV

   C II dan III

   D III dan IV

7. Laporan Pelajaran berikut telah diperkenalkan sebelum kemerdekaan negara.

Laporan Pelajaran	**Tahun**
Laporan Barnes	1951
Ordinan Pelajaran	1952
Laporan Razak	1956

   Apakah tujuan laporan pelajaran tersebut diperkenalkan?

   A Membentuk identiti kaum

   B Memperkaya budaya bangsa

   C Menyebarkan ideologi politik

   D Memupuk perpaduan antara kaum

8. Gambar berikut menunjukkan logo Parti Perikatan yang merupakan hasil penyertaan tiga parti kaum terbesar di Tanah Melayu iaitu UMNO, MCA dan MIC.

Logo Parti Perikatan

Apakah kesan pembentukan Parti Perikatan terhadap negara?

I Memperoleh kemerdekaan

II Memulihkan kedudukan raja

III Menyelesaikan masalah dalaman

IV Memperkukuh perpaduan antara kaum

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

9. Pilihan raya diadakan untuk memastikan amalan demokrasi diamalkan dengan baik di negara kita. Mengapakah amalan demokrasi ini wajar diteruskan?

A Mengelakkan campur tangan asing

B Memilih wakil rakyat dalam kerajaan

C Menggalakkan rakyat membuat keputusan

D Membuka peluang kepada rakyat untuk berkuasa

10. Anda ingin menjadi calon dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955. Antara berikut, syarat yang manakah perlu anda patuhi?

A Warganegara Malaysia

B Berumur 18 tahun ke atas

C Menjadi ahli mana-mana parti politik

D Tinggal di Tanah Melayu sebelum hari penamaan calon

11. Maklumat berikut berkaitan dengan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan.

Negara kita telah melalui satu perkembangan baharu dalam sejarah demokrasi negara.

Apakah kesan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan?

I Pemusatan kuasa di tangan Ketua Menteri

II Pentadbiran kerajaan diambil alih oleh tokoh tempatan.

III Kuasa pegawai British beransur dipindahkan kepada rakyat tempatan.

IV Hak istimewa orang Melayu dijaga oleh Pesuruhjaya Tinggi British.

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

12. Gambar berikut menunjukkan barisan pemimpin negara dalam kabinet pertama pada tahun 1955.

Apakah kesimpulan yang anda peroleh daripada gambar tersebut?

A Menunjukkan sikap keprihatinan

B Mewujudkan toleransi antara kaum

C Mendapat persetujuan daripada Gabenor British

D Mewujudkan pentadbiran yang diterajui oleh orang Melayu

13. Maklumat berikut berkaitan dengan peranan pemimpin negara dalam Kabinet Persekutuan Tanah Melayu yang pertama.

Pemimpin	Peranan
Dato'Abdul Razak Hussein	Menteri Pelajaran
V.T Sambanthan	Menteri Buruh

Apakah persamaan yang terdapat pada peranan mereka?

A Mengesahkan undang-undang negara

B Mengurangkan kuasa pentadbiran British

C Mengagih kekayaan kepada semua kaum

D Menjadikan perkhidmatan awam lebih tersusun

14. Maklumat berikut berkaitan usaha rundingan kemerdekaan antara pihak British dengan perwakilan Tanah Melayu.

Rombongan saya sedang berusaha bagi mendapatkan taraf berkerajaan sendiri untuk Persekutuan Tanah Melayu (PTM) dengan serta-merta dan kemerdekaan penuh pada tahun hadapan.

Antara berikut, apakah perkara yang dirundingkan dan disepakati di London?

I Menghapuskan jawatan Setiausaha Kewangan

II British dan Komanwel memberikan bantuan pertahanan

III Menuntut Menteri Kesihatan dalam kalangan rakyat PTM

IV Majlis Raja-raja melantik Ahli Majlis Eksekutif dan Peguam Negara

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

15. Sikap keterbukaan untuk kemajuan negara dapat dibuktikan oleh gerak kerja Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

    Apakah sikap keterbukaan tersebut?

    I Melawat ke negeri-negeri Melayu serta Negeri-negeri Selat

    II Mengadakan sebanyak 118 perjumpaan untuk membincangkan pelbagai isu

    III Meminta cadangan daripada semua penduduk yang berminat secara bertulis

    IV Meneliti kepentingan perlembagaan negeri dalam persekutuan

    A I dan II

    B I dan IV

    C II dan III

    D III dan IV

16. Pelbagai pihak telah menyampaikan memorandum kepada Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

    Apakah perkara yang dicadangkan oleh Raja-raja Melayu?

    A Seorang Ketua Negara

    B Kedudukan agama Islam

    C Kewarganegaraan jus soli

    D Sistem pendidikan kebangsaan

17. Gambar berikut berkaitan tokoh yang memberi takrif tentang kemerdekaan.

Rashid Rida

Pernyataan yang manakah benar tentang idea beliau?

A Menuntut kebebasan hak asasi manusia

B Membebaskan diskriminasi warna kulit

C Membebaskan diri daripada penjajah barat

D Mengutamakan keselamatan penduduk peribumi

18. Mengapakah peristiwa penurunan bendera Union Jack amat penting dan bermakna kepada Persekutuan Tanah Melayu?

A Menandakan British telah menyerah diri

B Menunjukkan pertukaran bendera baharu

C Menunjukkan penghormatan daripada tentera British

D Menandakan penjajahan British telah tamat

19. Kerajaan melancarkan Rancangan Buku Merah pada 25 Januari 1961.

Apakah kandungan utama dalam rancangan buku tersebut?

A Pembinaan kemudahan asas

B Projek pembangunan ekonomi

C Program perpaduan kaum di Tanah Melayu

D Program membasmi kemiskinan orang Melayu

20. Mengapakah kedaulatan undang-undang amat penting bagi sesebuah negara?

A Memastikan keamanan negara dapat dikekalkan

B Mengekalkan undang-undang tradisional

C Mewujudkan sistem mahkamah yang adil dan telus

D Mewujudkan keyakinan kepada sistem perundangan

21. Maklumat berikut berkaitan jenis kedaulatan di sesebuah negara.

- Revolusi Perancis
- Revolusi Keagungan di England

Apakah jenis kedaulatan tersebut?

A Kedaulatan tradisional

B Kedaulatan undang-undang

C Kedaulatan antarabangsa

D Kedaulatan moden

22. Mengapakah sistem perundangan menjadi asas kepada peraturan negara?

I Menjamin keadilan

II Mengekalkan tradisi

III Mengukuhkan ekonomi

IV Memelihara kesejahteraan

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

23. Malaysia berkongsi sempadan dengan negara jiran.

Mengapakah penetapan sempadan penting terhadap sesebuah negara?

A Mengawal pergerakan rakyat

B Mengukuhkan hubungan diplomatik

C Memudahkan urusan pentadbiran negara

D Menghalang pencerobohan kuasa asing

24. Dasar pembangunan ekonomi telah banyak memajukan dan menaikkan taraf hidup rakyat berbilang kaum di Malaysia?

Antara berikut, yang manakah fokus utama bidang pembangunan ekonomi negara dalam dasar tersebut?

I Penternakan

II Pelancongan

III Perindustrian

IV Pertanian

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

25. Senarai berikut berkaitan dengan peranan rakyat dalam mengukuhkan pertahanan negara daripada ancaman musuh.

- Peka terhadap isu keselamatan negara
- Elak kolaborasi dengan pihak luar yang boleh mengancam negara
- **X**
- Sanggup berkorban

Apakah X?

A Menganggotai pasukan keselamatan dan sukarelawan

B Memastikan pasukan keselamatan sentiasa bersiap siaga

C Mengadakan perjanjian pertahanan serta latihan ketenteraan

D Memodenkan aset ketenteraan untuk memantapkan pasukan tentera

26. Senarai berikut merupakan perundangan Negeri-Negeri Selat.

- Charter of Justice 1-1807
- Charter of Justice II-1826
- Charter of Justice III- 1855

Mengapakah perundangan tersebut diperkenalkan?

A Memastikan keharmonian kaum

B Memastikan kemajuan ekonomi

C Mengelakkan campur tangan kuasa asing

D Melindungi penduduk asal dari penindasan

27. Senarai berikut berkaitan majlis yang dibentuk sebelum kemerdekaan Tanah Melayu.

- Majlis Negeri
- Majlis Persekutuan
- Majlis Undangan Negeri

Apakah peranan majlis tersebut?

A Menggubal undang-undang

B Membentuk dasar pentadbiran

C Menjadi penasihat kepada sultan

D Mengurus perbendaharaan negeri

28. Sebuah suruhanjaya telah ditubuhkan bagi merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

    Suruhanjaya tersebut ialah

    A Suruhanjaya Reid

    B Suruhanjaya Cobbold

    C Suruhanjaya Pilihan Raya

    D Suruhanjaya Kehakiman

29. Ciri moden yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan ialah

    A Kerajaan Negeri

    B Kewarganegaraan

    C Sistem pemerintahan beraja

    D Kedudukan istimewa orang Melayu

30. Pindaan Perlembagaan 1963 telah mewujudkan jawatan Yang di-Pertua Negeri bagi Sarawak dan Sabah.

    Jawatan tertinggi ini dilantik oleh

    A Perdana Menteri

    B Parlimen Malaysia

    C Yang di-Pertuan Agong

    D Majlis Raja-raja Melayu

31. Maklumat berikut menunjukkan perlembagaan bertulis terawal di Tanah Melayu.

    - Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor
    - Undang-Undang Tubuh Kerajaan Terengganu

    Mengapakah perlembagaan tersebut digubal?

    A Menjamin hak rakyat

    B Mengukuhkan kuasa sultan

    C Menjamin kedaulatan negeri

    D Mengembalikan kuasa pembesar

32. Berdasarkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen negara kita, rakyat mempunyai hak untuk

I membentuk kerajaan

II menentukan pelantikan raja

III menguruskan pembangunan ekonomi

IV melibatkan diri dalam pentadbiran negara

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

33. Durbar dibentuk pada tahun 1897 seiring dengan penubuhan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB).

Apakah kepentingan Durbar kepada Raja-raja Melayu?

A Menjaga kedudukan Raja-raja Melayu

B Mengawal kewangan dan undang-undang negeri

C Mengurangkan kuasa Pesuruhjaya Tinggi British

D Membincang hal pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan British

34. Perlembagaan Malaysia menetapkan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong.

Berikut manakah bidang kuasa baginda?

I Mengisytiharkan darurat

II Melantik diplomat Malaysia

III Mengetuai Kerajaan Persekutuan

IV Mempengerusikan perkhidmatan awam

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

35. Mengapakah kebebasan asasi di Malaysia tidak bersifat mutlak?

A Melindungi pemerintah

B Menjamin ketenteraman awam

C Memastikan kemajuan ekonomi

D Mengekalkan hak istimewa orang Melayu

36. Sistem Persekutuan mula diperkenalkan di negara kita pada tahun 1896.

Pilih jawapan yang berkaitan dengan sistem ini.

A Diketuai Pesuruhjaya Tinggi British

B Fungsi khusus kerajaan yang lengkap

C Terdapat agihan kuasa antara kerajaan

D Residen Jeneral membuat keputusan pentadbiran

37. Pernyataan berikut berkaitan dengan sistem Persekutuan di negara kita. Pengagihan kuasa peringkat persekutuan dan negeri menandakan bermula era moden amalan persekutuan di negara kita.

Apakah sistem Persekutuan yang membentuk era moden tersebut?

A Malayan Union 1946

B Persekutuan Tanah Melayu 1948

C Persekutuan Tanah Melayu 1957

D Persekutuan Malaysia 1963

38. Mengapa berlaku pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri?

A Memberi kuasa penuh kepada Kerajaan Persekutuan

B Menambahkan kuasa Kerajaan Negeri di peringkat pusat

C Menyerahkan kuasa pentadbiran kepada Kerajaan Negeri

D Mengelakkan permasalahan antara kedua-dua peringkat kerajaan

39. Maklumat berikut berkaitan dengan kerjasama sosioekonomi Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri melalui pembangunan koridor wilayah berdasarkan projek pembangunan.

Tahun	**Rancangan Pembangunan Koridor Wilayah**	**Wilayah Liputan**
2007	Wilayah Ekonomi Pantai Timur @ East Coast Economic Region (ECER)	Pahang, Terengganu, Kelantan, Daerah Mersing, Johor

Bagaimanakah peranan Kerajaan Negeri dalam mencapai matlamat tersebut?

A Bantuan kewangan

B Bantuan kepakaran

C Penyediaan tanah

D Penyediaan buruh

40. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan penubuhan Majlis Negara bagi menyelaraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

Apakah Majlis Negara tersebut?

I Majlis Tanah Negara

II Majlis Kewangan Negara

III Majlis Sukan Negara

IV Majlis Air Negara

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT